



# The Sarawak Museum Journal

Vol. XLVII No. 68

December 1997



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Awang Hasmadi Awang Mois. (1997). Masalah Masyarakat Melayu Sarawak dan Pembangunan<sup>1</sup>.

The Sarawak Museum Journal, XLVII (68): 47-69

## MASALAH MASYARAKAT MELAYU SARAWAK DAN PEMBANGUNAN<sup>1</sup>

**Awang Hasmadi Awang Mois**

### INTRODUCTION

Sebagai rakyat Malaysia kita boleh bersyukur kerana negara kita boleh dikatakan sebagai sebuah negara membangun yang maju. Kerajaan negara kita adalah di antara kerajaan yang kuat berusaha untuk memperbaiki kedudukan dan nasib rakyatnya melalui beberapa rancangan dan dasar pembangunan. Di Sarawak kita ada suatu falsafah yang cuba diperjuangkan oleh pemimpin kita seperti politik untuk pembangunan atau politik pembangunan.

Kertas kerja ini tidak bertujuan untuk menilai sama ada pembangunan yang berlaku di Sarawak itu berjaya atau tidak. Sebaliknya kertas ini akan membicarakan beberapa perkara mengenai pembangunan. Khususnya kesan-kesan yang dibawa oleh pembangunan yang menyentuh Melayu Sarawak yang mungkin kita perlu fikirkan bersama. Apa yang terkandung dalam kertas ini adalah sebahagian daripada apa yang terfikir oleh saya setelah membaca, melihat dan merasai sendiri tentang pembangunan. Sebelum meneruskan perbincangan elok kiranya saya jelaskan beberapa konsep yang saya gunakan di sini terutamanya konsep Melayu dan seterusnya konsep pembangunan.

## **MASALAH MASYARAKAT MELAYU SARAWAK DAN PEMBANGUNAN<sup>1</sup>**

oleh

Awang Hasmadi Awang Mois

### **Pengenalan**

Sebagai rakyat Malaysia kita boleh bersyukur kerana negara kita boleh dikatakan sebagai sebuah negara membangun yang maju. Kerajaan negara kita adalah di antara kerajaan yang kuat berusaha untuk memperbaiki kedudukan dan nasib rakyatnya melalui beberapa rancangan dan dasar pembangunan. Di Sarawak kita ada suatu falsafah yang cuba diperjuangkan oleh pemimpin kita seperti politik untuk pembangunan atau politik pembangunan.

Kertas kerja ini tidak bertujuan untuk menilai sama ada pembangunan yang berlaku di Sarawak itu berjaya atau tidak. Sebaliknya kertas ini akan membicarakan beberapa perkara mengenai pembangunan. Khususnya kesan-kesan yang dibawa oleh pembangunan yang menyentuh Melayu Sarawak yang mungkin kita perlu fikirkan bersama. Apa yang terkandung dalam kertas ini adalah sebahagian daripada apa yang terfikir oleh saya setelah membaca, melihat dan merasai sendiri tentang pembangunan. Sebelum meneruskan perbincangan elok kiranya saya jelaskan beberapa konsep yang saya gunakan di sini terutamanya konsep Melayu dan seterusnya konsep pembangunan.

### **Melayu Sarawak**

Kaum Melayu Sarawak adalah salah sebuah daripada 24 kaum yang terdapat di Sarawak. Kaum Melayu adalah juga kaum bumiputera yang kedua terbesar selepas masyarakat Iban. Jumlah penduduk Melayu di Sarawak dianggarkan seramai 348.00 orang atau 20% daripada keseluruhan penduduk negeri (JPKM 1992: 9). Berbanding dengan kaum bumiputera yang lain, khususnya golongan Dayak. Melayu adalah golongan ‘minoriti’ (sila lihat Jawan 1984: 61).

Masyarakat Melayu Sarawak adalah masyarakat pesisir. Selain daripada kawasan pesisir penempatan mereka bertumpu di pusat-pusat daerah atau bandar. Kebanyakan daripada mereka bekerja dalam bidang perkhidmatan sama ada dalam perkhidmatan kerajaan maupun dalam sektor swasta. Di samping bekerja dalam perkhidmatan awam dan swasta ada daripada masyarakat Melayu yang masih hidup sebagai petani dan nelayan di beberapa kawasan di barat daya Sarawak sehingga ke daerah Saribas. Ada sebahagian kecil daripada mereka juga terdapat di daerah Lawas dan Limbang, Sarawak.

Istilah Melayu seperti yang digunakan di Sarawak adalah suatu istilah yang longgar. King dalam beberapa tulisannya berpendapat bahawa perkembangan penduduk Melayu di Borneo berkait rapat dengan perkembangan atau pengeluaran agama Islam di pulau itu sendiri melalui proses yang dinamakan sebagai *masok Melayu* (1972: 94; 1978: 2-3; lihat juga Abang Yusuf Puteh 1964: 8-9; Harrisson 1970: 159, 648-9). Di Sarawak istilah Melayu digunakan untuk merujuk kepada pelbagai jenis manusia termasuk mereka yang dari keturunan Brunei, keturunan Dayak yang telah memeluk Islam, keturunan Cina, keturunan Arab, keturunan Melayu Kalimantan Barat, Boyan, Melayu Sumatra, Jawa, Natuna dan Terengganu. Selain daripada agama Islam, ciri utama yang membezakan mereka daripada kumpulan lain adalah bahasa yang digunakan iaitu bahasa Melayu (Sarawak). Harrisson (1970: 132) berkata istilah Melayu dan kaum Islam Sarawak sering ditukar-ganti penggunaannya. Oleh hal yang demikian ada kalanya pengertian Melayu juga merujuk kepada penduduk Sarawak yang lain yang beragama Islam seperti kaum Melanau Islam. Dalam pengertiannya yang sangat longgar seperti ini tidak timbul masalah perbezaan bahasa maupun perbezaan budaya.

Pringle (1970: 59) berpendapat bahawa istilah Melayu mungkin tidak pernah wujud sebelum kedatangan Brooke; kerana sebelum kedatangan Brooke penduduk Sarawak mengenali diri mereka mengikut nama atau kawasan di mana mereka tinggal. Malah A.B. Ward (1966: 31) setelah melihat ciri-ciri fizikal dan bahasa Melayu dan Sea Dayak (sekarang Iban) serta hubungan sosial di antara mereka menganggap Melayu dan Iban sebagai dari 'keturunan' (*stock*) yang sama tetapi terpisah oleh agama yang dibawa oleh pendakwah Islam yang mengunjungi pantai Borneo pada kurun kelima belas. Perbezaan ini menjadi ketara apabila Brooke mewujudkan kategori-kategori tertentu seperti Melayu dan Dayak kerana untuk memudahkan beliau mendadik Sarawak beliau bukan sahaja ingin melihat ketentuan dari segi kelompok-kelompok manusia yang beliau kuasai malah ketentuan dari segi kawasan-kawasan yang mereka duduki.<sup>2</sup>

#### (i) *Watak Melayu Sarawak*

Sesiapa yang biasa membaca buku-buku mengenai sejarah Sarawak akan mendapati bahawa tulisan-tulisan atau laporan mengenai Melayu Sarawak pelbagai sifatnya. Ada yang berunsur memuji dan tidak kurang juga yang kuat mengeji kaum ini. Memang kebanyakan pentadbir Inggeris menggambarkan sikap yang kurang selesa serta ambivalent terhadap kaum ini dan kebiasaannya mereka sangat *patronising*. Misalnya seorang pentadbir Brooke bernama Everett pernah berkata bahawa orang Melayu mempunyai cukup tenaga untuk berjaya dalam kerja-kerja pertanian. Tetapi apa yang kekurangan